



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



Modul

Pentaksiran **INTERVENSI**

MASYHUR

PENAJA

Dr. Hayati binti Jaafar
Pakar Kanak - Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka
014 - 3157553

SPM
2024

BIOLOGI

PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR

Edisi 1 : 2021

Edisi 2 : 2022

Edisi 3 : 2023

Edisi 4 : 2024

@ Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan bahan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam bahan ini.

Penerbit:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Jalan Pegawai, 77000 Jasin. Melaka

Tajaan Penerbitan:

DR. HAYATI BINTI JAAFAR

Klinik Pakar Kanak-Kanak
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka

Suntingan Grafik oleh:

Remy Azman bin Abdul Rashid

Siti Zainab binti Mat Nor

Nurul Fareha binti Rosli

Amiza binti Mad Zin

Mohammad Firdhaus bin Abu Bakar

Pegawai Unit Sumber Teknologi Pendidikan
Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

Dicetak oleh:

KHIDMAT JAYA ENT SDN. BHD

No 24 Jalan Kerambit 5, Bandar Baru Sungai Udang
76300 Melaka

Tel: 012-7215480

Email: printing@khidmatjaya.com.my

Mutiara Kata Bingkisan Hati

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.
Salam Malaysia Madani.
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.
ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya telah berjaya menerbitkan Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar Kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Dr Hayati memperuntukkan dana dengan menaja Program Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Beliau telah menaja penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur bagi 15 subjek teras dan elektif edisi ke 4. Pentaksiran ini banyak membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia khususnya untuk melaksanakan aktiviti pengayaan dan pengukuhan sebelum menduduki peperiksaan. Penggunaan pentaksiran ini menyumbang kepada peningkatan Gred Purata Daerah saban tahun. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutama barisan penulis yang telah bertungkus lumus menghasilkan pentaksiran lengkap ini. Mudah-mudahan bahan pentaksiran ini akan terus dijadikan rujukan dan refleksi terhadap inisiatif guru untuk melonjakkan kualiti pendidikan di daerah Jasin

Melalui penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini juga dapat dijadikan bahan untuk mengukuhkan lagi persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam menghadapi peperiksaan. Pentaksiran ini merupakan dokumen yang komprehensif, dinamik dan realistik bagi memantapkan intelektual murid ke arah kecemerlangan yang mampan dan memberi impak tinggi dalam kemenjadian murid dan kecemerlangan sekolah.

Oleh itu, kejayaan dalam menghasilkan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini diiringi dengan niat dan azam yang tinggi, dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dalam membentuk modal insan cemerlang di dunia dan di akhirat. Sementelahan, diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan agar melahirkan generasi masyarakat yang gemilang sesuai dengan agenda pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.
Menjana Pendidikan Ke Aras Kecemerlangan Global

MOHD YUSOF BIN SAID B.C.M
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN

Mengungkap Tinta Inspirasi Ilmu

TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum wbt wrt dan Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Negara Sejahtera.
#ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Taala, Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil limpah rahmat dan inayah-Nya yang tiada terhingga.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan memberikan kerjasama erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Penerbitan modul Pentaksiran Intervensi Masyhur ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen jitu daripada pihak penaja yang terlibat.

Modul ini dirancang dengan tujuan yang jelas: untuk memperkasa para pendidik dalam melaksanakan penilaian yang berfokus dan berkualiti, serta mempamerkan pelbagai teknik dan alat pentaksiran yang boleh digunakan. Diharapkan bahan ini menjadi sumber rujukan yang berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan pentaksiran di kalangan pendidik dan murid.

Pentaksiran Intervensi Masyhur bukan sekadar sebuah modul, tetapi merupakan alat penting dalam proses pengukuhan pembelajaran. Penggunaannya yang meluas merangkumi pelbagai mata pelajaran menjadikannya satu keperluan yang kritikal dalam dunia pendidikan. Keistimewaan modul ini terletak pada keseragaman dalam pentaksiran, di mana penulis merujuk kepada analisis data *Continuous Quality Improvement* (CQI@Jasin) sebagai petunjuk prestasi. Keseragaman ini memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembelajaran, di mana murid dinilai berdasarkan standard yang sama.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Kepada panel penulis yang mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, serta jawatankuasa kerja yang tidak mengenal lelah dalam memberikan sokongan logistik dan moral, jasa kalian amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga Pentaksiran Intervensi Masyhur ini mampu menjadi alat yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan melalui pentaksiran yang berstruktur dan komprehensif, serta menyumbang kepada peningkatan prestasi kejayaan calon SPM.

Sekian, terima kasih.
Mengakselerasi Pendidikan Madani

DR. HAJI MOHD ALFOUZII BIN NASIR
TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

WAN HAMIZA BINTI WAN ISMAIL

PENYELARAS - SISC+ - PPD Jasin



IDAHWATI BINTI TOSERIN

KETUA PANEL - SMK Iskandar Shah



MAZLIN BINTI OTHMAN

SMK Dato' Abdul Rahman Ya'kub



NORLELY BINTI ABU

SMK Selandar



AMEY ROZIANA BINTI AZEMAN

SMK Simpang Bekoh



MASTURA BINTI ARIFFIN

SMKA Tun Perak



ZULAIKHA BINTI MOHD BASAR

SMK Seri Bemban



NUR FAIZATUL AIN BINTI JAAFAR

SMK Selandar



MASHITAH BINTI SALLEH

SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa




TINGKATAN 4
FORM 4


BAB 2: BIOLOGI SEL DAN ORGANISASI SEL
CHAPTER 2: CELL BIOLOGY AND ORGANISATION

ITEM STRUKTUR

- 1. (a) Rajah 1.1(a) menunjukkan imej mikroskop elektron satu komponen yang terdapat dalam sel manakala Rajah 1.1(b) ialah lukisan komponen sel Rajah 1.1(a).
Diagram 1.1(a) shows an electron microscopic image of a cell component while Diagram 1.1(b) is the drawing of cell component of Diagram 1.1(a).



Rajah 1.1(a)
Diagram 1.1(a)



Rajah 1.1(b)
Diagram 1.1(b)

- i. Namakan komponen sel yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1(a).
Name the cell component shown in Diagram 1.1(a).

.....
...

[1 markah/ mark]

- ii. Nyatakan fungsi komponen sel dalam (a)(i).
State the function of cell component in (a)(i).

.....
.....


[1 markah/ mark]

- iii. Komponen sel (a)(i) terdapat dengan banyaknya dalam kelenjar gastrik. Terangkan mengapa.
Cell component (a)(i) is found abundantly in gastric gland. Explain why.

.....
.....
.....

[2 markah/ marks]

- (b) Rajah 1.2 menunjukkan satu contoh urutan organisasi sel dalam manusia.
Diagram 1.2 shows an example of cell organisation sequences in human.



Rajah 1.2
 Diagram 1.2

- i. Sel stem dalam Rajah 1.2 telah menjalani proses D untuk membentuk sel otot kardiium. Apakah proses D?
Stem cells in Diagram 1.2 has undergone process D to form cardiac muscle cell. What is process D?

.....
 [1 markah/ mark]

- ii. Berdasarkan Rajah 1.2, tisu otot kardiium bergabung dengan tisu epitelium dan tisu penghubung untuk membentuk organ H. Namakan organ H.
Based on Diagram 1.2, cardiac muscle tissue combines with epithelial tissue and connective tissue to form organ H. Name the organ H?

.....
 [1 markah/ mark]


[Modul Peningkatan Akademik Tingkatan 5 Tahun 2021

BAB 3: PERGERAKAN BAHAN MERENTAS MEMBRAN PLASMA
CHAPTER 3: MOVEMENT OF SUBSTANCES ACROSS PLASMA MEMBRANE

ITEM STRUKTUR

1. Rajah 1.1 menunjukkan dua kawasan, P dan Q yang dipisahkan oleh satu membran telap memilih.

Diagram 1.1 shows two regions, P and Q which are separated by a selectively permeable membrane.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

- (a)
 - i. Berdasarkan Rajah 1.1,
Based on Diagram 1.1,
 Apakah ciri membran telap memilih?
What is the characteristic of selectively permeable membrane?

 [1 markah/mark]
 - ii. Kawasan manakah yang hipertonik?
Which region is hypertonic?

 [1 markah/mark]
 - iii. Nyatakan **satu** sebab bagi jawapan dalam 1(a) (ii) untuk kawasan yang hipertonik.
*State **one** reason for the answer in 1(a)(ii) for hypertonic region.*


 [1 markah/mark]

- iv. Selepas 20 minit, keseimbangan antara kawasan P dan kawasan Q tercapai. Namakan proses yang berlaku.
After 20 minutes, an equilibrium is achieved between region P and Q. Name the process which occurs.

.....

[1 markah/mark]

- (b) Rajah 1.2 menunjukkan keadaan pokok keembung (*Balsam sp.*) pada hari pertama dan hari kedua selepas ditanam menggunakan tanah paya bakau.
Diagram 1.2 show the condition of a plant (Balsam sp.) on the first day and the second day after being planted with mangrove swamp's soil.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2


Terangkan perubahan keadaan pokok pada Rajah 1.2.
Explain the change of the plant's condition in Diagram 1.2.

.....
.....
.....

[2 markah/marks]
[Percubaan SPM SBP 2021]

ITEM ESEI

- 1. Rajah 1 menunjukkan keadaan sel darah merah di dalam tiga jenis larutan yang berbeza.
Diagram shows the state of red blood cells in three different types of solutions.



Rajah 1 / Diagram 1

Terangkan apakah yang berlaku kepada sel darah merah dalam 5% larutan natrium klorida, 0.85% larutan natrium klorida dan dalam air suling.

Explain what happens to red blood cells in 5% sodium chloride solution, 0.85% sodium chloride solution and in distilled water.

[7 markah/ marks]


- (b) Racun respirasi ditambahkan ke dalam air yang mengandungi *Paramecium sp.* Terangkan kesan racun tersebut terhadap *Paramecium sp.*

Respiratory toxins were added to water containing Paramecium sp. Explain the effect of the poison on Paramecium sp.

[3 markah / marks]

- (c) Seorang nelayan mempunyai banyak stok lebihan ikan yang tidak dapat disimpan dalam peti sejuk.

A fisherman has a large stock of fish that cannot be stored in the refrigerator.



Ikan / Fish


Berdasarkan pengetahuan biologi anda, terangkan kaedah pengawetan yang sesuai digunakan oleh nelayan itu untuk mengawet ikan-ikan tersebut agar tahan lebih lama.

Based on your biological knowledge, explain the appropriate preservation method used by the fisherman to preserve the fish so that it can last longer.

[4 markah / marks]

- (d) Rajah 1.2 dan 1.3 menunjukkan dua jenis pengangkutan bahan merentasi membran plasma yang berbeza.

Diagram 1.2 and 1.3 show two types of movement of substances across different plasma membrane.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Rajah 1.3/ Diagram 1.3

Banding dan bezakan antara kedua-dua jenis pengangkutan bahan ini.

Compare and contrast between these two types of transport of substance.

[6 markah /marks]
[Kertas Model SBP]

BAB 4: KOMPOSISI KIMIA DALAM SEL
CHAPTER 4: CHEMICAL COMPOSITION IN A CELL

ITEM STRUKTUR

- Rajah 1.1 menunjukkan sampel-sampel minyak masakan yang mengandungi asid lemak.

Diagram 1.1 shows food samples which contain fatty acids.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

- Berdasarkan Rajah 1. 1, namakan jenis asid lemak yang terdapat dalam sampel-sampel minyak masakan tersebut:

Based on the Diagram 1.1, name the type of fatty acids in those cooking oil sample:

Sampel minyak masakan P/ Cooking oil sample P :

.....


Sampel minyak masakan Q/ *Cooking oil sample Q* :

.....

[2 markah / marks]

- a) Rajah 1.2 menunjukkan sebahagian persamaan perkataan untuk penguraian sampel minyak masakan P dan Q.

Diagram 1.2 shows part of word equation for breaking down cooking oil sample P and Q.



Rajah 1.2 / *Diagram 1.2*

Berdasarkan Rajah 1.2, terangkan proses M.

Based on Diagram 1.2, explain process M.

.....

.....

.....

[3 markah/marks]

- (b) Banding dan bezakan diantara sampel minyak masakan P dan Q.

Compare and contrast between cooking oil sample P and Q.

Minyak masakan P <i>Cooking oil sample P</i>	Minyak masakan Q <i>Cooking oil sample Q</i>

[2 markah / marks]

- (c) Rajah 1.3 menunjukkan Piramid Makanan yang dicadangkan untuk penggunaan rakyat negara Malaysia.
Diagram 1.3 shows the Food Pyramid proposed for the use of Malaysians.

**PIRAMID MAKANAN MALAYSIA
MALAYSIAN FOOD PYRAMID**



Rajah 1.3 / *Diagram 1.3*

Berdasarkan Rajah 1.3, bincangkan peranan lipid yang diambil dalam diet seharian kita.

Based on Diagram 1.3, discuss the role of lipids taken in our daily diet.

.....

.....

.....

[2 markah /marks]


[Modul Ticket To Victory , Perak 2021]

**BAB 5 : METABOLISME DAN ENZIM
CHAPTER 5 : METABOLISME AND ENZYME**

ITEM STRUKTUR

- 1. Rajah 1 menunjukkan metabolisme J dan metabolisme K dalam sel yang dimangkinakan oleh enzim

Diagram 1 shows metabolisme J and K in a cell that are catalysed by an enzyme



Rajah 1

Diagram 1

- (a) (i) Nyatakan nama bagi kompleks L.

State the name of complex L

.....

[1 markah/mark]

- (ii) Nyatakan jenis enzim heksokinase

Name the type of hexokinase enzyme

.....

[1 markah/mark]

- (b) Berdasarkan rajah 2, nyatakan jenis metabolisme J dan metabolisme K.

Based on diagram 1, state the types of metabolisme J and K

J:.....

K:.....

[2 markah/marks]

- (c) Pernyataan berikut adalah tentang sifat umum enzim.

The following statement is about the general characteristic of enzyme.

Merkuri adalah logam berat paling toksik yang merencat fungsi enzim
Mercury is the most toxic heavy metal which inhabits the function of enzyme

Terangkan kesan merkuri ke atas aktiviti enzim heksokinase

Explain the effects of mercury on the activity of hexokinase enzymes

.....

.....

.....

[2 markah/marks]


(SPM 2021)

BAB 6: PEMBAHAGIAN SEL
CHAPTER 6 : CELL DIVISION

ITEM STRUKTUR

1. Rajah 1 menunjukkan satu peringkat pembahagian sel.

Diagram 1 shows a stage in cell division.



Gentian gelendong
Spindle fiber

Rajah 1.1/ *Diagram 1.1*

- (a) (i) Namakan jenis pembahagian sel yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

Name the type of cell division shown in Diagram 1.1.

.....

[1 markah]

- (ii) Nyatakan definisi pembahagian sel yang dinamakan di (a)(i).

State the definition of the cell division name in (a)(i).

.....

[2 markah]

- (b) Terangkan kejadian dalam metafasa I yang menyumbang kepada variasi dalam organisma.


Explain the events during metaphase I which contribute to variation in organisms.

.....

[2 markah]

- (c) Rajah 1.2 menunjukkan set lengkap kromosom seorang individu dengan penyakit genetik.

Diagram 1.2 shows the complete of chromosomes of an individual with a genetic disease.



Rajah 1.2/ Diagram 1.2

- (i) Nyatakan penyakit genetik yang dialami oleh individu tersebut.

State the genetic disorder experienced by this individual.

.....

[1 markah]

- (ii) Terangkan bagaimana individu ini boleh dilahirkan dengan penyakit genetik tersebut.

Explain how this individual is born with this genetic disorder.

.....
.....


[2 markah]
(Percubaan Pahang 2021)

BAB 7: RESPIRASI SEL
CHAPTER 7 : CELLULAR RESPIRATION

ITEM STRUKTUR

- 1. Rajah 1.1 menunjukkan satu komponen sel yang biasanya dijumpai dalam sel manusia.

Diagram 1.1 shows a component cell commonly found in human cells.



Rajah 1.1/ Diagram 1.1

- (a) (i) Kenal pasti komponen sel yang ditunjukkan oleh Rajah 6.1.

Identify the component cell shown by Diagram 6.1.

.....
[1 markah]

- (b) (i) Nyatakan proses yang berlaku dalam komponen sel ini.

State the process that takes place in this component cell.

.....
[1 markah]

- (ii) Tuliskan persamaan perkataan bagi proses yang dinyatakan dalam 1(b)(i).

Write the word equation for the proses stated in 1(b)(i).

.....
[1 markah]

(iii) Terangkan bagaimana substrat yang digunakan dalam 1(b)(ii) diperolehi.

Explain how the substrate used in 1(b)(ii) is obtained.

.....
.....

[2 markah]

(c) Padi yang digenangi air dalam Rajah 1.2 di bawah mengalami proses yang berbeza daripada sel manusia.

The paddy in watery field in Diagram 1.2 below undergoes different process than human cells.



Rajah 1.2/ *Diagram 1.2*

(i) Namakan proses tersebut.

Name the process.

.....

[1 markah]

(ii) Berikan satu contoh mikroorganisma lain yang menjalankan proses yang sama seperti tumbuhan di Rajah 1.2.

Give one example of another microorganism that carried out the same process as plant in Diagram 1.2.

.....

[1 markah]

(iii) Nyatakan satu perbezaan antara proses yang dijalankan dalam sel manusia dan tumbuhan dalam Rajah 1.2.

State one difference between the processes carried out in human cell and plant in Diagram 1.2

.....


[1 markah]

(Percubaan Pahang 2021)

ITEM ESEI

1. (a) Rajah 10.1 menunjukkan proses respirasi aerob yang berlaku dalam sel haiwan.

Diagram 10.1 shows the aerobic respiration that occurs in animal cell.



Rajah 10.1/ *Diagram 10.1*

- (i) Tulis persamaan perkataan bagi respirasi aerob yang berlaku di dalam sel tersebut.

Write a word equation for aerobic respiration occurs in the cell.

[1 markah]


- (ii) Berdasarkan Rajah 10.1, terangkan proses penghasilan tenaga daripada glukosa semasa respirasi aerob.

Based on Diagram 10.1, explain the process of energy production from glucose during aerobic respiration.

[6 markah]

- (b) Rajah 10.2 menunjukkan doh roti yang berkembang selepas ditambah dengan ampaian yis.

Diagram 10.2 shows the rising of bread dough after adding yeast suspension.



Rajah 10.2/ Diagram 10.2

Perubahan saiz doh dalam Rajah 10.2 disebabkan oleh yis menjalankan proses M. Banding dan bezakan proses respirasi aerob dan proses M.

The change in dough size in Diagram 10.2 is caused by the yeast carrying out process M. compare and contrast the aerobic respiration process and process M.

[7 markah]

- (c) Seorang murid telah bersarapan dengan sepinggan nasi goreng dan secawan kopi. Rajah 10.3 menunjukkan aras gula di dalam darahnya. Bacaan normal aras gula darah ialah antara 75-100mg/dL.

A student had a plate of fried rice and a cup of coffee for breakfast. Diagram 10.3 shows the level of sugar in her blood. A normal blood sugar level reading is between 75-100mg/dL



Rajah 10.3/ Diagram 1

Huraikan bagaimana proses homeiostasis berlaku untuk mengawal atur aras gula dalam darah murid tersebut kembali ke aras yang normal.

Describe how the homeostasis process occurs to regulate the blood sugar level of the student back to the normal level.

[6 markah]


(Percubaan Selangor Set 2 2023)

BAB 8: SISTEM RESPIRASI DALAM MANUSIA DAN HAIWAN
CHAPTER 8: RESPIRATORY SYSTEMS IN HUMANS AND ANIMALS

ITEM STRUKTUR

1. Rajah menunjukkan sebahagian sistem respirasi manusia.

Diagram 1 shows a part of human respiratory system.



Rajah 1 /Diagram 1

- (a) Pada rajah 1 di atas, labelkan P dan Q.

In diagram 1 above, label the structure P and Q.

P:

Q:

[2 markah/marks]

- (b) Struktur R telah mengalami adaptasi untuk menjalankan fungsinya. Terangkan adaptasi yang telah dialami oleh struktur R.

The structure R has undergone adaptation to carry out its function. Explain the adaptations to structure R.

.....
.....
.....

[2 markah/marks]

- (c) (i) Ali merupakan seorang perokok tegar. Terangkan bagaimana tabiat merokok ini mengurangkan kecekapan sistem respirasinya untuk berfungsi.

Ali is a heavy smoker. Explain how this smoking habit reduces the efficiency of his respiratory system to function.

.....

[3 markah/marks]

- (ii) Ramalkan penyakit lain yang mungkin dihidapi oleh Ali.

Predict any other diseases that Ali may have.

.....


[2 markah/marks]

GEMPUR KBAT BIOLOGI MELAKA 2022

BAB 9: NUTRISI DAN SISTEM PENCERNAAN MANUSIA
CHAPTER 9: NUTRITION AND THE HUMAN DIGESTIVE SYSTEM

ITEM STRUKTUR

- 1. Rajah 1.1 menunjukkan satu keratan memanjang bagi vilus.
Diagram 1.1 shows a longitudinal section of a vilus.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

- a) Tandakan dengan huruf 'X' pada rajah tempat penyerapan hasil pencernaan lipid berlaku.

Mark with the letter 'X' on diagram where the absorption of digested lipid occurs.


[1 markah / 1 mark]

- b) Terangkan bagaimana penyerapan tersebut berlaku.
Explain how the absorption occurs.

.....
.....
.....

[2 markah / 2 marks]

- c) Rajah 1.2 menunjukkan sebahagian sistem pencernaan manusia.
Diagram 1.2 shows a part of human digestive system.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Encik K menghidap obesiti. Doktor telah melakukan pembedahan bariatrik seperti pada Rajah untuk mengatasi masalah obesitinya.

Mr K is obese. Doctors have done bariatric surgery as shown in Diagram to overcome his obesity problem.

Terangkan bagaimana kaedah tersebut boleh mengatasi obesiti Encik K.

Explain how the method can overcome obesity Mr K.


.....
.....
.....

[3 markah /marks]

[GEMPUR KBAT BIOLOGI MELAKA 2022]

ITEM ESEI

2. Rajah 2.1 menunjukkan struktur vilus dalam usus kecil.
Diagram 2.1 shows the structure of villus in small intestine.



Rajah 2.1 / *Diagram 2.1*

- a) Terangkan penyesuaian yang berlaku pada vilus untuk menyerap nutrien.

Explain the adaptation that occur in the villus to absorbs nutrients.

[4 markah / *marks*]

- b) Hasil pencernaan karbohidrat di usus kecil akan diangkut ke hati dan sel badan untuk proses seterusnya. Huraikan proses yang berlaku.

Digestion product of carbohydrate in small intestine will be transported to the liver and body cell for the next process. Describe the process.


[6 markah / *marks*]

[GEMPUR KBAT BIOLOGI MELAKA 2022]

BAB 10 : SISTEM PENGANGKUTAN DALAM MANUSIA DAN HAIWAN
CHAPTER 10 : CIRCULATORY SYSTEM OF HUMAN AND ANIMALS

ITEM STRUKTUR

1. Rajah 1 menunjukkan keratan rentas jantung manusia
Diagram 1 shows a cross section of the human heart.



Rajah 1 / *Diagram 1*

- (a) Namakan bahagian P dan R.

Name parts of P and R.

P:

R:

[2 markah/ marks]

- (b) Namakan dan terangkan fungsi Q .

Name and explain the function of Q.

.....
.....
.....

[2 markah/ marks]

- (b) Terangkan ciri-ciri bahagian P bagi menjalankan fungsinya.

Explain the characteristics of part P to perform the function.

.....
.....


[2 markah/ marks]

[KOLEKSI SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN SBP 2023- SET 4]

ITEM ESEI

- 2. Rajah 2 menunjukkan sistem limfa.

Diagram 2 shows the lymphatic system



Rajah 2 / Diagram 2

- (a) Bandingkan sistem peredaran darah dan sistem limfa dalam badan manusia.
Compare the blood circulatory system and the lymphatic system in the human body.
[10 markah/ marks]

- (b) Pak Ali mengalami keadaan kaki yang membengkak, iaitu penyakit kaki gajah.
Terangkan bagaimana keadaan ini berlaku.
Pak Ali suffered a swollen leg which is elephant diseases.
Explain how this situation occurs.
[5 markah/ marks]

- (c) Nodus limfa menghasilkan sel darah putih yang tertentu. Terangkan fungsi sel darah putih tersebut.
Lymph nodes function to produce certain white blood cell. Explain the function of this white blood cell.
[5 markah/ marks]

[KOLEKSI SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN SBP 2023- SET 1]

BAB 11 : PERTAHANAN BADAN
CHAPTER 11 : BODY DEFENCE

ITEM STRUKTUR

- 1. (a) Sistem peredaran darah memainkan peranan yang penting dalam kelangsungan hidup kita dan sistem pertahanan badan pula bertindak apabila patogen menjangkiti badan. Jadual 1 menunjukkan jenis pertahanan yang terdapat dalam badan manusia.
The blood circulatory system plays an important role in our survival and the body immune system acts when pathogens infect the body. Table 1 shows the types of defences found in the human body.

Jenis pertahanan <i>Types of defences</i>	Barisan pertahanan <i>The line of defences</i>
Barisan pertahanan pertama <i>First line of defence</i>	P:
Barisan pertahanan kedua <i>Second line of defence</i>	Sel fagosit <i>Phagocyte</i>
Barisan pertahanan ketiga <i>Third line of defence</i>	Q:

Jadual 1 / Table 1

- (i) Dalam Jadual 1, tulis mekanisme pertahanan badan bagi P dan Q.
In Table 1, write the body defence mechanism for P and Q.

[2 markah/ marks]

- (ii) Huraikan secara ringkas bagaimana Q bertindak dalam sistem pertahanan badan.
Describe briefly how Q works in the body defence system.

.....

.....

.....

.....

[3 markah/ marks]

- (iii) Namakan dua contoh sel fagosit.
Name two examples of phagocytes

.....

.....

[2 markah/ marks]

- (b) Ketika membersihkan halaman rumah, Ahmad telah terpijak paku yang tajam dan tapak kakinya luka. Beberapa jam kemudian, Ahmad mendapati lukanya telah mengalami keradangan.
While cleaning the backyard, Ahmad accidentally stepped on a sharp nail and wounded the sole of his foot. Hours later, Ahmad found his wound had inflamed.

- (i) Nyatakan maksud keradangan.
State the meaning of inflammation.

.....

.....

[1 markah/ mark]

- (ii) Nyatakan jenis pertahanan bagi keradangan.
State the type of defences for inflammation.

.....

.....

[1 markah/ mark]

[PRAKTIS TOPIKAL SPM TINGKATAN 4]

ITEM ESEI

- 2 (a) Rajah 2 menunjukkan seorang lelaki yang dipatuk ular berbisa.
Diagram 2 shows a man being bitten by a venomous snake.



Rajah 2 / *Diagram 2*

Cadangkan rawatan yang boleh diberikan kepada lelaki itu.
Suggest a treatment that can be given to this man.

[10 markah/ *marks*]

- (b) Seorang bayi yang baru dilahirkan perlu menerima imunisasi berdasarkan Rancangan Imunisasi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
Terangkan mengapa program imunisasi ini diperlukan.
A new born baby needs to receive immunisation based on the Immunisation Plan recommendation by World Health Organisation (WHO).
Explain why the immunisation programme is required.

[10 markah/ *marks*]


[KOLEKSI SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN SBP 2023- SET 2]

BAB 12 : KOORDINASI DAN GERAK BALAS DALAM MANUSIA
CHAPTER 12 : COORDINATION AND RESPONSE IN HUMAN

ITEM STRUKTUR

- 1. Rajah 1.1 menunjukkan kedudukan organ penting sistem saraf pusat.

Diagram 1.1 shows the location of an important organ of central nervous system



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

- (a) Struktur X terlibat dalam proses pemikiran dan menyimpan memori. Terangkan satu penyesuaian struktur X untuk meningkatkan keberkesanan fungsinya.

Structure X involves in thinking and storing memories. Explain one adaptation of structure X to increase its efficiency.

.....
.....

[2 markah /marks]

- (b) Bahagian X dan Y merupakan pusat kawalan aktiviti badan. Bandingkan tindakan yang dikawal oleh bahagian X dan Y.

Parts X and Y are the controlling centre of body activities. Compare the action controlled by parts X and Y.


.....
.....

.....
.....

[3 markah/ marks]

- (c) (i) Rajah 1.2 menunjukkan keadaan individu yang menghidap suatu penyakit. Doktor menyarankan individu tersebut untuk memperbanyakkan pengambilan makanan laut sebagai salah satu alternatif untuk mengurangkan gejala penyakit tersebut.

Diagram 1.2 shows a condition of an individual which is suffer from a type of disease. Doctor suggests him to increase the intake of seafoods as an alternative way to reduce the symptoms of that disease.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Wajarkan saranan doktor kepada individu dalam Rajah 1.2

Justify the advice from doctor to the individual in Diagram 1.2.

.....
.....
.....

[3 markah / marks]

- (ii) Cadangkan kaedah rawatan lain yang perlu dijalani oleh individu dalam Rajah 1.2.

Suggest the other treatment need to be carried out by individual in Diagram 1.2.

.....


[1 markah / mark]

[PRAKTIS TOPIKAL HEBAT! SPM BIOLOGI, PELANGI]

ITEM ESEI

2. (a) Rajah 2 menunjukkan struktur satu sinaps.

Diagram 2 shows the structure of a synapse.



Rajah 2 / Diagram 2

(i) Terangkan bagaimana impuls saraf dihantar merentasi sinaps.
Explain how the nerve impulse is transmitted across the synapse.

[4 markah /marks]

(ii) Perangsang dan depresen ialah ubat yang memberi kesan kepada sistem saraf pusat. Perangsang digunakan untuk merawat narkolepsi, iaitu tertidur secara tiba-tiba secara tidak terkawal. Sebaliknya depresen digunakan untuk merawat kebimbangan, gangguan panik, stress dan insomnia.

Stimulants and depressants are drugs that work on central nervous system. Stimulants are used to treat narcolepsy which is uncontrollably fall asleep suddenly. On the other hand depressants are used to treat anxiety, panic disorder, stress and insomnia.

Bezakan kesan perangsang dan depresen terhadap penghantaran impuls merentas sinaps.

Differentiate the effect of stimulants and depressants on the transmission of impulses across synapse.

[6 markah /marks]

- (b) Sekiranya salah seorang ahli keluarga anda menghidap penyakit Alzheimer atau penyakit Parkinson, apakah yang perlu anda lakukan kepadanya supaya gejala penyakit itu dapat dikurangkan dan dia dapat menghadapi penyakit ini tanpa rasa tersisih?

If one of your family members suffers from Alzhemeirs’s or Parkinson’s disease, what do you need to do for them so that the symptoms of the disease can be reduces aand he/she can face this disease without feeling neglected?

[10 markah /marks]


[PRAKTIS TOPIKAL HEBAT! SPM BIOLOGI, PELANGI]

BAB 13: HOMEOSTASIS DAN SISTEM URINARI MANUSIA
CHAPTER 13 : HOMEOSTASIS AND THE HUMAN URINARY SYSTEM

ITEM STRUKTUR

1. Rajah 1 menunjukkan pengawalaturan aras gula dalam darah oleh hormon berlainan dalam badan seorang individu.

Diagram shows the regulation of blood sugar level by different hormones in the body of an individual.



Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Namakan hormon X dan Y.

Name hormone X and Y.

X:

Y:

[2 markah / marks]

- (b) Terangkan bagaimana organ P, hormon X dan organ Q bekerjasama membawa aras gula darah seseorang yang lapar kembali kepada aras normal.

Explain how organ P, hormone X dan organ Q work together to bring the blood sugar level of a hungry person back to the normal level.

.....
.....
.....
.....

[3 markah/ marks]

- (c) Terangkan bagaimana pengesanan diabetes dapat dilakukan melalui ujian air kencing.

Explain why it is possible to detect a diabetic by testing his urine.

.....
.....
.....

[2 markah / marks]

- (d) Seorang pesakit diabetes yang menyuntik dirinya dengan dos hormon Y berlebihan merasa lemah dan tidak stabil. Terangkan bagaimana dia dapat mengatasi keadaanya.

A diabetic person who injected himself with an overdose of hormone Y feels weak and unsteady. Explain how he can overcome his condition.

.....
.....
.....

[2 markah / marks]


[PRAKTIS TOPIKAL HEBAT! SPM BIOLOGI, PELANGI SDN. BHD.]

BAB 14 : SOKONGAN DAN PERGERAKAN DALAM MANUSIA DAN HAIWAN
CHAPTER 14: SUPPORT AND MOVEMENT IN HUMAN AND ANIMALS

ITEM STRUKTUR

- 1. Rajah 1 menunjukkan satu struktur satu sendi.

Diagram 1 shows the structur of a joint.



Rajah 1/ Diagram 1

- (a) Namakan jenis sendi ini dan nyatakan fungsinya.

Name the type of the joint and state the function.

.....
.....
.....

[2 markah/mark]

- (b) Jika penghasilan bendalir S berkurangan, terangkan kesannya kepada pergerakan.

If the production of fluid S is decreasing, explain what will happen to the movement.

.....
.....
.....

[2 markah/mark]

- (c) Terangkan mengapa pengecutan otot memerlukan bekalan darah yang mencukupi.

Explain why muscle contraction requires sufficient blood supply

.....

.....

.....


[3 markah/marks]

(Percubaan SPM Pulau Pinang 2022)

ITEM ESEI

1. Rajah 1.1 (a) menunjukkan seekor cacing tanah yang sedang bergerak.

Diagram 1(a) shows an earthworm that is moving.



Rajah 1.1(a)/ *Diagram 1.1(a)*

- (a) (i) Namakan jenis rangka yang menyokong cacing tanah.

Name the type skeleton that supports an earthworm?

[1 markah/mark]


- (ii) Terangkan bagaimana otot antagonis membolehkan cacing tanah tersebut bergerak ke hadapan.

Explain how antagonistic muscles enable the earthworm to move forward.

[3 markah/mark]

- (b) Rajah 1.1(b) menunjukkan pergerakan seorang lelaki.

Diagram 1.1(b) shows the movement of a man.



Rajah 1.1(b)/ *Diagram 1.1(b)*

- (i) Berdasarkan Rajah 1.1(b) terangkan secara ringkas bagaimana sistem otot rangka kaki membolehkannya berlari ke hadapan.

Based on Diagram 1.1(b) , explain briefly how the musculoskeletal system of the legs enables him to run forward.

[6 markah/mark]


- (ii) Senaraikan amalan-amalan yang baik untuk menjaga kesihatan sistem otot rangka

List out the good practices to care for the musculoskeletal system

[5 markah/mark]

- (c) Rajah 1.2 menunjukkan seekor burung yang sedang terbang.

Diagram 1.2 shows a bird that is flying.



Rajah 1.2 / *Diagram 1.2*

Berdasarkan rajah 1.2, namakan dua otot pada burung yang membantu burung terbang. Huraikan mekanisme pergerakan sayap burung yang melibatkan dua otot tersebut

Based on diagram 1.2, name two muscles that help a bird to fly. Describe the mechanism of a bird's wing movement which involves the two muscles.

[5 markah/mark]

(Percubaan Johor SPM 2021)


BAB 15 : PEMBIAKAN SEKS, PERKEMBANGAN DAN PERTUMBUHAN DALAM MANUSIA DAN HAIWAN

CHAPTER 15: SEXUAL REPRODUCTION, DEVELOPMENT AND GROWTH IN HUMANS AND ANIMALS

ITEM STRUKTUR

- Rajah 1 menunjukkan proses gametogenesis dalam manusia.

Diagram 1 shows the process of gametogenesis in human.



Rajah 1/ Diagram 1

- Berdasarkan Rajah 1, nyatakan organ yang terlibat dalam proses ini.

Based on Diagram 1, state the organ involved in this process.

.....

[1 markah / 1 mark]

- (b) (i) Nyatakan apa yang berlaku pada fasa P.

State what happen at phase P.

.....

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Proses X merupakan sejenis pembahagian sel. Namakan proses x dan sel Q.

Process X is a type of cell division. Name the type of cell division of process X and cell Q.

Proses/ Process X :

Sel/ Cell Q :

[2 markah / 2 marks]

- (iii) Terangkan peranan proses X dalam mengekalkan bilangan kromosom dari satu generasi ke satu generasi.

Explain the role of process X in maintaining the number of chromosomes from one generation to the other.

.....
.....
.....

[2 markah / 2 marks]

- (c) Seorang lelaki terdedah kepada sinaran radioaktif tanpa disedari olehnya. Situasi itu telah menyebabkan sperma yang dihasilkan mempunyai bilangan kromosom yang abnormal. Terangkan mengapa.

A man is exposed to radioactive radiations without him being aware of it. This situation caused the production of sperms with abnormal numbers of chromosomes. Explain why.


.....
.....
.....

[2 markah / 2 marks]

Kredit: Soalan Percubaan SPM Negeri Sembilan 2021

2. (a) Rajah 2.1 menunjukkan metamorfosis lengkap bagi rama-rama.

Diagram 2.1 shows complete metamorphosis in butterfly.



Rajah 2.1/ Diagram 2.1

(i) Nyatakan peringkat pertumbuhan X.

State growth stage X.

X:

[1 markah / 1 mark]

(ii) Berdasarkan Rajah 2.1, huraikan proses metamorfosis dalam rama-rama.


Based on Diagram 2.1, describe metamorphosis in butterfly.

.....

[2 markah / 2 marks]

(iii) Rajah 2.2 menunjukkan metamorfosis tidak lengkap bagi belalang.

Diagram 2.2 shows the incomplete metamorphosis of grasshopper.



Rajah 2.2 / Diagram 2.2

Bezakan metamorfosis dalam Rajah 2.1 dan Rajah 2.2.

Differentiate the metamorphosis in Diagram 2.1 and Diagram 2.2.

.....


.....

.....

[2 markah / 2 marks]

(b) Rajah 2.3 menunjukkan lengkung pertumbuhan bagi lipas.

Diagram 2.3 shows the growth curve of cockroach.



Rajah 2.3/ Diagram 2.3

- (i) Berikan satu contoh organisma lain yang mengalami pertumbuhan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.3.

Give another example of organism that undergo growth as shown in Diagram 2.3.

.....

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Proses P dikawal oleh hormon. Apakah yang berlaku kepada haiwan yang dinyatakan di 5(b)(i) sekiranya hormon tersebut tidak dirembeskan?

Process P is controlled by hormone. What will happen to the animal state in 5(b)(i) if the hormone is not secreted?

.....

.....


[2 markah / 2 marks]

Kredit : Soalan Percubaan SPM Kedah 2022

ITEM ESEI

1. Rajah 9.1 menunjukkan graf perubahan kepekatan hormon dan perubahan perkembangan folikel untuk seorang wanita yang mempunyai kitar haid yang normal.

Diagram 9.1 shows a graph of hormone concentration changes and changes follicle development for a woman who has a menstrual cycle normal.



Rajah 9.1/ Diagram 9.1

- (a) (i) Berdasarkan Rajah 9.1, terangkan kesan kecederaan serius kelenjar pituitari terhadap tahap kesuburan seseorang wanita?

Based on Diagram 9.1, explain the effects of serious injury of pituitary gland on the fertility level of a woman?

[6 markah / 6 marks]

- (ii) Kitar haid terhenti merupakan petanda awal fasa awal kehamilan wanita. Cadangkan satu kaedah yang lebih tepat untuk mengetahui bahawa seseorang wanita tersebut telah hamil. Terangkan kaedah tersebut.


A menstruation cycle stops is an early sign of the early phase of a woman's pregnancy. Suggest one accurate method to find out if the woman was pregnant. Explain the method.

[4 markah / 4 marks]

Kredit: Soalan Percubaan SPM Melaka 2021

2. (a) Rajah 10.1 menunjukkan masalah kesihatan pada wanita P dan wanita Q.

Diagram 10.1 shows the health problems in woman P and woman Q.



Rajah 10.1/ Diagram 10.1

- (i) Kedua-dua wanita tersebut merancang untuk hamil.

Sebagai doktor peribadi mereka, jelaskan apakah nasihat dan cadangan yang boleh anda berikan kepada mereka.

Both women plan to conceive.


As their personal doctor, clarify what are the advice and suggestions that can be given to them.

[10 markah / 10 marks]

- (b) Seorang murid menjalankan satu eksperimen untuk mengkaji pertumbuhan dan kitar hidup seekor tikus dan seekor belalang. Lengkung pertumbuhan untuk kedua-dua organism aitu ditunjukkan seperti Rajah 10.2 dan 10.3 .


A student carried out an experiment to study the growth and life cycle of a rat and a grasshopper. The growth curve for both organisms are shown in Diagram 11.2 and Diagram 11.3.

Lengkung pertumbuhan seekor tikus
The growth curve of a rat



Rajah 10.2/ Diagram 10.2

Lengkung pertumbuhan belalang
The growth curve of a grasshopper



Rajah 10.3/ Diagram 10.3

- (i) Berdasarkan Rajah 10.2 dan Rajah 10.3, nyatakan perbezaan antara lengkung pertumbuhan kedua-dua organism aini.

Based on Diagram 10.2 and Diagram 10.3, state the differences between the growth curve between both organisms.

[4 markah / 4 marks]

- (ii) Berdasarkan Rajah 10.3, terangkan lengkung pertumbuhan belalang.

Based on Diagram 10.3, explain the growth curve of the grasshopper.

[6 markah / 6 marks]

Kredit : Soalan Percubaan Selangor Set 1 2021


TINGKATAN 5
FORM 5

BAB 1: ORGANISASI TISU TUMBUHAN DAN PERTUMBUHAN
CHAPTER 1: ORGANISATION OF PLANT TISSUES AND GROWTH

ITEM STRUKTUR

1. Rajah 1.1 menunjukkan lengkung pertumbuhan sejenis tumbuhan yang hidup di kawasan beriklim sederhana.

Figure 1.1 shows the growth curve of a kind of plant that lives in temperate climates.



Rajah 1.1 / Figure 1.1

- (a)
 - i. Kenalpasti jenis tumbuhan yang menunjukkan lengkung pertumbuhan seperti dalam Rajah 1.1
Identify the types of plants that show the growth curve as shown in Figure 1.1.

.....

[1 markah /mark]


- ii. Berikan 2 contoh tumbuhan yang mempunyai lengkung pertumbuhan seperti dalam Rajah 1.1.
Give 2 examples of plants that have a growth curve as shown in Figure 1.1.

.....
.....
.....

